

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI]
TARIKH : 24 NOVEMBER 2014
SOALAN :

YB Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah pihak Kementerian serius dalam menangani masalah obesiti di kalangan rakyat Malaysia dan adakah cadangan untuk memperkenalkan Kempen Kesedaran Pengambilan Nutrisi yang sesuai kepada rakyat Malaysia kepada pelajar sekolah di semua peringkat sehingga universiti bagi memastikan peningkatan jumlah rakyat gemuk di Malaysia dapat dikurangkan.

Tuan Yang Di-Pertua,

Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sangat komited dan serius dalam menangani masalah obesiti. Ini bagi mengurangkan risiko penyakit tidak berjangkit akibat obesiti seperti diabetes dan hipertensi. Sehubungan dengan itu, bagi meningkatkan kesedaran rakyat, pihak KKM telah dan sedang menjalankan pelbagai aktiviti melalui pendekatan mengikut kitaran kehidupan (*life cycle approach*) dan pendekatan mengikut *setting* seperti sekolah, institusi, komuniti dan tempat kerja. Antara aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan adalah:

- i) Mengawal pengiklanan makanan segera semasa rancangan kanak-kanak di televisyen berdasarkan Garis Panduan Pengiklanan dan Pelabelan Maklumat Pemakanan Makanan Segera yang telah dikeluarkan dan dilaksanakan sejak tahun 2008;
- ii) Memperkukuh komponen pemakanan di dalam Panduan Pengurusan Kantin Sekolah Sihat dengan memantau penjualan makanan dan minuman yang sesuai, tidak digalakkan dan dilarang dijual di kantin sekolah. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran murid selain memberi pilihan makanan yang lebih sihat di kantin sekolah. Pada tahun 2013, sebanyak 3,956 kantin sekolah telah dipantau dan sehingga Jun 2014, sebanyak 2,381 kantin sekolah telah dipantau;
- iii) Menerbitkan dan melaksanakan Garis Panduan Penguatkuasaan Larangan Penjualan Makanan dan Minuman Di Luar Pagar Sekolah oleh Pihak Berkuasa Tempatan bagi memastikan semua peniaga makanan dan minuman di luar pagar sekolah mematuhi peraturan yang ditetapkan. Sehingga 30 Ogos 2013, sebanyak 1,724 kali pemantauan telah dijalankan oleh 66 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang melibatkan 677 buah sekolah;
- iv) Mewujudkan Kelab Doktor Muda di sekolah, Program Siswa Sihat (PROSIS), COMBI (*Communication for Behaviourial Impact*) dan Pusat Promosi Kesihatan Komuniti untuk menjadi agen promosi cara hidup sihat dalam melatih komuniti dan rakan sebaya;

- v) Mengadakan kempen media massa mengenai obesiti dan kesannya terhadap kesihatan menerusi siaran iklan di televisyen, radio, majalah, surat khabar dan media social;
- vi) Menjalankan latihan Katering Sihat kepada pengusaha dan pengendali makanan di premis makanan yang bertujuan meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran pengendali makanan mengenai penyediaan hidangan yang sihat dan selamat;
- vii) Memberi pengiktirafan BeSS (Bersih, Selamat dan Sihat) kepada premis makanan yang mematuhi kriteria;
- viii) Melaksanakan inisiatif KOSPEN (Komuniti Sihat Perkasa Negara) di peringkat komuniti dengan kerjasama pihak KEMAS bagi memperkasa rakyat untuk menyampaikan maklumat dan meningkatkan kesedaran berkaitan pemakanan, kesihatan serta pengesanan faktor risiko penyakit berjangkit; dan
- ix) Merancang program khas bersama Kementerian Pendidikan sebagai *co-partner* dengan penglibatan PIBG dalam menangani masalah obesiti di kalangan murid sekolah yang memberi fokus kepada aspek pemakanan sihat, aktiviti fizikal dan psikologi.